

PERKEMBANGAN SENI MUZIK DALAM PERADABAN ISLAM DI NUSANTARA

Oleh:
Abdullah Yusof*
Awerman Bidin**

Abstract

This article aims to expose the status of music in a country where majority of its people follow the Islamic faith. Music in this country does not hold a great position and this indicates that musical creativity is always questioned within Islamic law such as in Indonesia. This indication is not precise without understanding the meaning and purpose behind the music. Music represents a creation of man and constitutes as a part of art, meanwhile, art is one of the cultural aspects in human life. Therefore, culture is related to art and also one of the aspects of Islamic religion's values. Accordingly, art represents an aspect of Islamic religion. Hence, in Islam art is not part of the religion, rather it is part of Islamic cultures. The type of music that always been implemented by Moslems throughout the world is of melodic strains with the sweet voice during a call to prayer, for every newly born baby boy this called as Azan while Qamat is to be practiced when a baby girl is born.

* Dr. Abdullah Yusof, Ph.D adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Awerman Bidin, M.A. adalah calon Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pendahuluan

Penulisan artikel ini bertujuan untuk melihat kewujudan praktik seni muzik Islam di Nusantara khususnya di Malaysia dan Indonesia. Persepsi mengenai muzik Islam di kalangan masyarakat di Nusantara lazimnya tidaklah begitu positif. Hal ini dapat dikaitkan dengan pandangan bahawa kreativiti dalam bidang muzik selalu mempermainkan hukum Islam. Petunjuk ini sebenarnya tidaklah tepat bahkan berdasarkan prasangka semata-mata tanpa mengetahui terlebih dahulu pengertian yang mendasari seni muzik itu sendiri.

Muzik seperti difahami adalah merupakan hasil cetusan fikiran dan minda manusia, sedangkan agama Islam adalah anugerah Allah. Di sudut yang lain, muzik adalah sebahagian daripada kesenian, sedangkan kesenian adalah rangkuman daripada kebudayaan. Ini menunjukkan bahawa kebudayaanlah yang berhubungan dengan kesenian. Kebudayaan itu sendiri adalah satu aspek dari *Dīn* Islam. Oleh kerana kesenian merupakan aspek dari *Dīn* Islam maka kesenian bukanlah sebahagian dari agama, namun ia adalah sebahagian dari *Dīn* Islam. Sebagai contoh kisah yang dipetik dari al-Qur'ān (Surah Saba') mengenai Nabi Daud dan anaknya Sulaiman a.s. yang menggunakan keindahan seni muzik dengan iringan alat kecapi bagi merasai keindahan alam sekeliling menerusi lagu puji-pujian kepada Allah di samping menggambarkan kebesaran, kesempurnaan dan kemuliaan tuhan.¹

Secara umum implementasi agama Islam dalam masyarakat selalu diiringi oleh seni bunyi atau melodi tertentu bahkan bunyi pertama yang diperdengarkan kepada bayi orang Islam yang baru lahir adalah alunan melodi dengan suara yang merdu iaitu suara azan dan qamat. Begitu juga suara azan untuk panggilan solat

¹ Lihat Abdullah Yusof (1999), "Kegiatan Seni dan Hiburan Dalam Islam serta Hukumnya", dalam *Seni dan Hiburan Dalam Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit KAGAT dan Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, h. 1.

berkumandang lima kali sehari dilagukan dengan penuh berirama. Jelas di sini bahawa kesan seni muzik amat besar kerana ia boleh menggetarkan jiwa dan meninggalkan kesan efektif dan psikomotif di samping kesan kognitif.²

Manusia merupakan makhluk yang paling sempurna diciptakan Tuhan. Salah satu keistimewaannya adalah manusia itu dilengkapi dengan akal dan fikiran. Aktiviti-aktiviti manusia dicetuskan menerusi akal, fikiran, cipta, rasa, dan karsa mampu menghasilkan sebuah karya seni yang mengisi kebudayaan. Hasil karya tersebut menjadi kebanggaan bagi si pencipta, sehingga sentiasa dijaga kelestariannya. Kebudayaan pada prinsipnya mempunyai tiga unsur: pertama, kebudayaan sebagai suatu kompleks dari idea-idea, gagasan, nilai-nilai, norma-norma, dan peraturan; kedua, kebudayaan sebagai suatu kompleks yakni aktiviti kelakuan berpola dari manusia dalam masyarakat; ketiga, kebudayaan sebagai produk hasil karya manusia.³ Kebudayaan secara umum bererti hampir semua tindak-tanduk dan tingkah laku dari manusia atau sekelompok manusia. Kebudayaan Nusantara baik Malaysia mahupun Indonesia adalah satu kondisi majmuk kerana ia bermodalkan pelbagai kebudayaan lingkungan wilayah yang berkembang menurut tuntutan sejarahnya sendiri.⁴

Salah satu cabang kebudayaan adalah kesenian. Menurut Umar Khayyam “kesenian adalah salah satu unsur yang menyangga kebudayaan.”⁵ Kesenian merupakan ekspresi kebudayaan manusia. Kesenian timbul kerana proses sosialisasi budaya. Kesenian tentunya didukung oleh suatu kelompok

² Lihat Engku Ibrahim Ismail, *et. al.*, (1992), *Konsep Seni Dalam Islam*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 13.

³ Koentjaraningrat (1974), *Kebudayaan Mentalitet dan Pembangunan*. Jakarta: P. T. Gramedia, h. 15.

⁴ Umar Khayyam (1981), *Seni Tradisi Masyarakat*. Jakarta: Sinar Harapan, h. 16.

⁵ *Ibid.*, h. 15.

masyarakat tertentu dan juga dapat menunjukkan ciri-ciri serta sejarah budaya dari suatu daerah. Kesenian terdiri daripada beragam cabang termasuk di antaranya cabang seni persembahan. Seni persembahan atau pertunjukan bererti sebuah produk tontonan atau persembahan yang bernilai seni seperti drama, tari, muzik dan teater yang disajikan di hadapan penonton. Batasan ini senada dengan apa yang terdapat di Barat dengan istilah *performing arts*.⁶ Seni persembahan di Nusantara umpamanya berpunca dari suatu keadaan di mana ia tumbuh dalam lingkungan-lingkungan etnik yang berbeda antara satu sama lain. Ketentuan adat yang merupakan kesepakatan bersama yang diwariskan secara turun temurun sangat berpengaruh dan menentukan jatuh bangunnya seni pertunjukan tersebut.⁷

Dalam kebudayaan Nusantara yang elok dan subur terdapat bermacam jenis seni pertunjukan seperti tari, muzik, teater, mahupun resitasi (sastera lisan) lainnya. Situasi seni pertunjukan tersebut dalam era globalisasi sekarang ini sangat rencam sifatnya; ada yang berkembang dengan baik, ada yang mampu bertahan dan ada yang mengalami kemunduran iaitu menuju kepunahan atau kepupusan. Perkembangan muzik kini berlangsung dalam pelbagai dimensi kerana ia berkaitan dengan tempat atau negara di mana muzik tersebut muncul dan berkembang serta kekuatan yang mempengaruhinya. Baik Malaysia mahupun Indonesia sebagai negara serumpun yang mempunyai majoriti penduduk Islam, maka pertumbuhan muzik akan dipengaruhi oleh kebudayaan tempatan dan kebudayaan Islam.

Secara umum dapat dilihat bahawa di negara-negara yang mempunyai majoriti penduduk beragama Islam, perkembangan

⁶ Sal Murgiyanto (1996), "Cakrawala Pertunjukan Budaya Mengkaji Batas dan Arti Pertunjukan", *Jurnal Masyarakat Seni pertunjukan Indonesia*, Th. VII. Yogyakarta, h. 153.

⁷ Edi Sedyawati (1981), *Pertumbuhan Seni Pertunjukan*. Jakarta: Sinar Harapan, h. 52.

muziknya tidaklah sesubur berbanding negara yang penduduk Islamnya adalah minoriti. Hal ini dapat dilihat di beberapa negara majoriti penduduk beragama Islam seperti Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam dan sebagainya. Negara-negara lain seperti Filipina, Thailand, India, Australia, Amerika Syarikat, Jepun dan keseluruhan negara-negara di Eropah di mana perkembangan muzik mereka terus subur. Berhubung hal ini, timbul persoalan apakah agama Islam tidak merestui atau memberi respons yang baik terhadap muzik untuk tumbuh dan berkembang dalam masyarakat Islam.

Tulisan ini akan membicarakan tajuk “Perkembangan Seni Muzik Dalam Peradaban Islam di Nusantara” bagi meneliti tentang kewujudan muzik dalam masyarakat Islam. Baik di kalangan penggiat mahupun orang awam jarang berusaha memahami secara mendalam tentang konsep dan definisi serta aspek yang terkandung dalam seni muzik. Kebiasaan manusia hanya suka memutuskan justifikasi tentang hukumnya (harus atau haram), tanpa mengkaji terlebih dahulu falsafah muzik itu sendiri. Mereka jarang mengkaji nilai yang terkandung dalamnya, termasuk fungsi dan peranannya. Justeru ketika pengertian muzik belum diperhalusi, wajarkah penghakiman terus dilakukan. Muzik sebenarnya bersifat natural dan kita tidak boleh memberikan nilai sama ada nilai baik mahupun nilai buruk kerana ia bergantung kepada manusia yang mencipta, mencorak, mengalun dan menggabungkannya serta bagaimana ia dapat dimanfaatkan oleh manusia.⁸ Memang jelas apabila muzik itu boleh menyusahkan hati, mengacaukan fikiran dan keharmonian serta membangkitkan nafsu maka sudah tentu ia adalah batil.⁹

Dari segi sejarah, Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat pernah berlagu dan berdendang ketika mendirikan masjid Nabawi di

⁸ Lihat Zubir Ali (1999), “Muzik: Satu Pandangan”, dalam *Seni dan Hiburan Dalam Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit KAGAT dan Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, h. 68.

⁹ Ibn ‘Abd Rabbih, *al-‘Aqd al-Farid*, III, h. 178.

Madinah dan ketika menggali parit ketika perang Khandak.¹⁰ Justeru itu, al-Ghazālī tidak teragak-agak mengemukakan pandangan ulama berhubung keharusan dan pengharaman mendengar nyanyian dan muzik.¹¹ Begitu juga penegasan Ibn Taimiyyah bahawa nyanyian dan muzik harus berupaya memperbaiki hati dan menyucikan jiwa, bahkan mendengar ayat-ayat Allah dan lagu-lagu tasbih diberi ganjaran pahala yang besar.¹²

Inilah masalah pokok dalam masyarakat apabila pembicaraan tentang muzik dikaitkan dengan hukum agama Islam. Orang dengan segera dan mudah mengharuskan atau mengharamkannya sehingga permasalahan sama ada diterima atau ditolak muzik di kalangan masyarakat Islam tidak pernah selesai. Ramai sarjana yang cuma mengemukakan definisi tentang muzik termasuk Rizaldi Siagian yang cuba menterjemahkan pengertian muzik menurut *Harvard Dictionary of Music*, yang pada dasarnya menyatakan bahwa istilah muzik berasal dari bahasa Yunani, *muse*, dan lebih spesifik lagi berasal dari *monoiki tehni*, seni (teknik) dari Muse.¹³

Dalam Ensiklopedia Indonesia, muzik adalah seni menyusun suara atau bunyi. Ini tidak hanya terhad kepada seni menyusun bunyi atau suara indah semata-mata kerana suara atau bunyi sumbang (disonansi) telah lama digunakan dan ramai penggiat dalam industri muzik yang bereksperimen dengan suara atau bunyi seperti itu. Unsur penting dalam muzik Barat sebenarnya ialah harmoni dan interaksi antara nada-nada.¹⁴

¹⁰ Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, h. 126 (Hadīth riwayat Anas bin Mālik).

¹¹ Al-Ghazālī, *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*, II, Dimasq, hh. 237 - 239.

¹² Rujuk al-Qur'ān (39): 17 - 18 dan tafsirannya.

¹³ Victor Ganap (1993), "Kajian Musik di Jenjang Tersier", *Jurnal Seni Pengetahuan dan Penciptaan Seni*. Yogyakarta, h. 38.

¹⁴ Hassan Shadily (1984), *Ensiklopedia Indonesia*. Jakarta: Ichtiar Baru Van Haove, h. 2316.

Berdasarkan kenyataan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa muzik adalah rasa indah yang terkandung dalam diri seseorang atau sekelompok orang yang diungkapkan melalui karya dalam perwujudan kombinasi nada-nada atau bunyi yang mengandungi ritma, harmoni, serta mempunyai bentuk, ruang dan waktu. Justeru itu pada akhirnya dapat mencetuskan rasa indah yang terkandung dalam diri seseorang atau sekelompok orang yang menikmati karya tersebut terutama dalam aspek emosi. Dengan demikian muzik merupakan sebahagian dari kehidupan manusia, sedangkan Islam merupakan keperluan manusia dalam menempuh kehidupan ke arah yang lebih baik. Maka, antara muzik dengan Islam tentu ada kesatuan yang menghubungkan, paling tidak ada benang merah yang menghubungkan di antara keduanya menurut hukum Islam serta implementasinya di tengah-tengah kehidupan umat Islam, terutama di Nusantara.

Berdasarkan latar belakang di atas, ternyata banyak perkara yang menarik untuk diungkapkan melalui tulisan ini, yang pada akhirnya dapat digunakan sebagai sumber informasi bagi dunia seni pertunjukan khususnya di negara-negara yang terdapat majoriti umat Islam di rantau ini. Dari aspek tertentu, ia dapat menjadi pedoman bagi para peminat dan para pencipta karya musik yang masih ragu-ragu berhubung kedudukan muzik dari perspektif hukum Islam. Tulisan ini akan mengupas pandangan Islam berhubung seni muzik dan pengkaryaan serta bagaimana implementasi muzik dapat diterapkan kehidupan umat Islam.

Permasalahan

Kedudukan muzik di sesebuah negara seperti Indonesia dan Malaysia atau negara-negara lain rantau ini sudah tentu dikaitkan dengan pelbagai kelompok yang melibatkan ramai orang dari kepelbagaian etnik, penganut agama dan budaya yang berbeza. Justeru itu, adalah wajar dibentuk atau ditubuhkan satu badan khas

berautoriti mengawal aspek ini dengan pembiayaan dan kawalan oleh pemerintah. Peranannya bukan setakat memperkembangkan aktiviti berkaitan seni muzik, bahkan membina konsep baru tentang muzik serta kaedah pelaksanaannya dengan melibatkan penyertaan golongan agama bertaraf sarjana sebagai pembimbing dan pemikir agar ianya selari dengan tuntutan Islam. Untuk membicarakan muzik agar selari dengan hukum-hukum Islam, kita perlu meninjau sejauh mana pengamalan muzik yang pelbagai itu di tengah-tengah kehidupan manusia sebagai makhluk berbudaya. Berhubung hal ini Sayyed Hossein Nasr pernah menegaskan sepertimana berikut:

*“Tak seorangpun dapat menemukan cikal-bakal seni Islam di dalam ilmu-ilmu pengetahuan yuridis dan teologis, baik keduanya berhubungan erat dengan hukum Ilahi maupun masalah penegakan dan pembelaan prinsip-prinsip keimanan Islam. Secara peribadi seorang teologi seperti Al-Ghazālī telah menulis tentang keindahan. Beberapa penulis yang tentang ilmu hukum (fikih) seperti Baha’ Al-Dīn Al-‘Amili bahkan membangun taman-taman yang indah, namun risalah-risalah tentang teologi (kalam) atau ilmu hukum (fikih) yang memberikan penjelasan tentang masalah-masalah seni dan estetika Islam tidaklah dikenal”.*¹⁵

Berdasarkan petikan di atas timbul tanggapan dalam masyarakat Islam bahawa muzik tidak ada sangkut pautnya dengan agama Islam adalah benar. Ini kerana hukum bermain muzik atau hukum muzik dalam Islam tidak terdapat dalam al-Qur’ān. Muzik adalah merupakan buah karya dari manusia, sedangkan agama turun dari Ilahi. Dari sudut lain, muzik adalah sebahagian kesenian, sedangkan kesenian adalah aspek dari kebudayaan. Dengan demikian

¹⁵ Sayyed Hosein Nasr (1993), *Spiritualitas dan Seni Islam*. Bandung: Mizan, h. 16.

kebudayaanlah yang berhubungan dengan kesenian. Dan kebudayaan itu adalah satu aspek dari *Dīn* Islam. Maka kesenian adalah juga merupakan aspek dari *Dīn* Islam. Jelas di sini bahawa kesenian bukanlah sebahagian dari agama, namun ia adalah sebahagian daripada *Dīn* Islam”.¹⁶

Justeru itu dapat difahami bahawa karya seni yang diciptakan adalah realiti baru yang sentiasa berubah-ubah kerana ia merupakan ciptaan manusia, sedangkan yang abadi adalah ciptaan Allah. Agama pula adalah abadi dalam kebenarannya, sedangkan karya seni adalah universal. Ia muncul dan tumbuh di mana-mana dan sepanjang masa, sedangkan agama tidaklah muncul dan tumbuh di mana-mana sepanjang waktu. Berikutnya Sidi Gazalba telah memberi penegasan berikut:

“Alam dan firdaus mengandung nilai estetik yang agung tetapi alam firdaus dan Al-Qur’an itu bukanlah karya seni. Karya seni berhubungan dengan manusia bukan dengan Tuhan. Kembali dipertegas dalil bahwa seni itu adalah kebudayaan bukan agama. Sekalipun apa yang diciptakan Tuhan itu mengandung nilai estetik namun ia tidak dikatakan karya seni”.¹⁷

Sungguhpun muzik tidak ada dasar hukumnya dalam al-Qur’ān, maka alangkah baiknya dilihat dari sudut lain seperti pengamalannya di tengah-tengah masyarakat. Muzik adalah sebahagian dari sebuah karya seni yang secara realitinya boleh diimplementasikan di tengah-tengah masyarakat Islam tanpa disedari. Misalannya membaca al-Qur’ān dengan menggunakan irama sepertimana dalam tilawah atau musabaqah al-Qur’ān di mana irama

¹⁶ Sidi Gazalba (1981), *Islam dan Kesenian*. Jakarta: Pustaka Alhusna, h. 104.

¹⁷ *Ibid.*, h. 126.

al-Qur'ān (bacaan bertarannum) mempunyai nilai estetik yang tinggi. Kedua, menyeru azan dengan unsur melodi dan suara yang merdu. Ketiga, menyanjung Allah dan Rasul-Nya dengan lagu-lagu yang diiringi oleh alat muzik.¹⁸ Kesemuanya itu mengandung aspek-aspek muzikal seperti melodi, lirik dan suara yang merdu. Dalam hal ini Seyyed Hossein Nasr menegaskan bahawa:

*“Panggilan salat (al-azan) hampir selalu dikumandangkan dengan lagu, sebagaimana halnya Al-Qur'an Al-Karim yang dengan melagukannya merupakan hidangan yang sangat bergizi bagi jiwa kaum mukmin, sekalipun secara teknik melagukan Al-Qur'an tidak pernah disebut dengan musik tetapi musiqa atau ghina' ”.*¹⁹

Begitu juga hadīth Nabi Muḥammad S.A.W. yang dipetik oleh Sidi Gazalba sepertimana maksud berikut:

*" Hendaklah kamu baguskan akan Al-Qur'an dengan suaramu, karena suara yang bagus menambah kebagusan Al-Qur'an. (H.R. Imam-imam Al-Hakim, Al-Darimy dan Ibnu Nasar dari Al-Bara bin 'Azib). Bagi Allah sangat mendengar akan orang yang bagus suaranya dengan Al-Qur'an yang keras bacaannya daripada suara seorang yang mempunyai biduanita perempuan mendengar nyanyiannya. (H.R. Imam-imam Ibnu Majah, Ibnu Hibban, Hakim, Baihaqi dari Fadalah bin Abaid)."*²⁰

¹⁸ *Ibid.*, hh. 129 - 130.

¹⁹ Seyyed Hossein Nasr (1993), *op.cit.*, h. 165.

²⁰ Sidi Gazalba (1981), *op.cit.*, h. 127.

Omar Amin Hoesin dalam *Kultur Islam* mengemukakan semboyan dari ahli-ahli muzik Arab bahawa:

“Sekali muzik, tetap untuk muzik. Dengan muzik, semenjak dari buaian sampai ke kubur, dari nyanyian nina bobok, hingga nyanyian ratap tangis (from lullaby to the elegy). Tiap-tiap moment sejarah hidup mereka, mempunyai musik tertentu. Girang dan sedih, bekerja dan bermain, mandi darah di medan perang, atau mengerjakan ibadah agamanya, diikuti dengan gelombang muzik, menurut bahagiannya masing-masing. Hingga membaca Al-Qur’an pun, berbagai langgam musik dilahirkan”.²¹

Ini bermakna muzik adalah merupakan sebahagian yang integral dalam kehidupan masyarakat Islam. Hal ini dapat dilihat dengan kehadiran muzik dalam diri manusia yang tidak dapat atau sukar dipisahkan sama sekali lebih-lebih bagi umat Islam. Dalam kehidupan umat Islam di Nusantara semenjak lahir sehingga seribu hari berikutnya ketika di dalam kubur masih diselimuti oleh alunan muzik. Muzik merupakan bunyi yang pertama hadir dalam kehidupan umat Islam setelah kalam Ilahi, iaitu saat kelahiran anak orang sudah pun diperdengarkan kalam Ilahi. Kalam Ilahi tersebut bersamaan dengan alunan melodi yang disampaikan menerusi suara azan dan qamat baik bagi anak lelaki mahupun anak perempuan. Kemudian kehidupan umat Islam diakhiri pula oleh muzik iaitu sepanjang seribu hari sewaktu mayat bersemadi dalam kubur.

Dalam suasana berkabung ketika seorang umat Islam meninggal dunia, alunan muzik vokal diperdengarkan menerusi bacaan ayat-ayat al-Qur’ān oleh orang-orang yang masih hidup di

²¹ Omar Amin Hoesin (1981), *Kultur Islam*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 393.

luar kubur. Kemudiannya berkumandang alunan muzik vokal tersebut selama seribu hari melalui acara tahlil. Dalam tahlil diisi dengan pemberian infaq, sedekah dan juga menghadaiahkan doa kepada roh si mati termasuk bagi roh nenek moyang terdahulu. Acara tahlil tersebut terdiri dari beberapa peringkat iaitu: semenjak dari tiga hari, tujuh hari, dua kali tujuh hari, tiga kali tujuh hari, empat puluh hari, seratus hari sehinggalah seribu hari.²² Tahlil berisikan pembacaan ayat-ayat al-Qur'ān, istighfar, selawat, zikir dan berdoa bersama yang kesemuanya itu menggunakan alunan melodi vokal dari awal sampai akhir.

Begitu juga perintah solat lima waktu yang dikerjakan oleh umat Islam sebagai tanda pematuhan terhadap agama. Setiap menjelang waktu solat selalu dikumandangkan suara azan sebagai panggilan solat. Sebelum kemunculan *sound system* di tengah-tengah umat Islam sebagai penguat suara azan, masyarakat diperdengarkan dengan bunyi beduk atau kertuk sebagai tanda masuknya waktu solat. Kemudian baru disusuli dengan suara azan, karena dentungan beduk lebih keras dan kuat bunyinya dibandingkan dengan suara azan. Beduk kalau ditinjau dari sudut instrumen muzik termasuk instrumen jenis membranofon. Setiap masjid, surau atau musala hampir tidak ada yang tidak mempunyai sebuah beduk atau keretuk sehinggalah munculnya era penggunaan sistem siaraya.

Pada bulan-bulan tertentu pula sering diperdengarkan suara zikir dan syair-syair Arab yang dilagukan dengan melodi yang indah lebih-lebih pada zaman dahulu. Pada zaman sekarang yang masih ada hanya di daerah-daerah tertentu khususnya di kawasan luar bandar atau kampung. Kini di bandar dan kota, masjid masih mengadakan majlis memperingati hari kebesaran Islam seperti memperingati hari

²² Lihat Abdullah Yusof, "Beberapa Aspek `Urf Fasid Dalam Budaya Melayu dan Kesannya Terhadap Hukum", dalam *Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa III Peringkat Kebangsaan 2000*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam, h. 16.

kelahiran Nabi Muhammad S.A.W., yang terkenal dengan sebutan bulan Maulid Rasul. Selama sebulan berkumandang syair Maulud yang diiringi dengan zikir dan selawat badar; *kedua*, memperingati peristiwa Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad S.A.W. di bulan Rejab. Selama sebulan penuh berkumandang syair-syair barzanji dan juga diiringi oleh zikir; *Ketiga*, pada bulan Ramadan sudah menjadi kebiasaan bagi umat Muslim berkeliling kampung atau desa mengumandangkan zikir dan selawat di malam hari menjelang makan sahur, dan diselangi sekali-sekali dengan teriakan *sahur*. Teriakan sahur sambil bernyanyi-nyanyi bertujuan untuk membangunkan umat kalau masih ada yang tertidur. Di masjid, surau dan muşalla diisi dengan memperbanyak membaca al-Qur'ān yang dikenali sebagai tadarus. Kemudian ada juga yang memeriahkan bulan Ramadan dengan mengadakan pertandingan atau perujian membaca al-Qur'ān yang terkenal dengan MTQ (Musabaqah Tilawah Qur'ān) dan pertandingan azan; *keempat*, pada bulan Syawal iaitu pada Hari Raya 'Idil Fitri dikumandangkan takbir sebaik selesai berbuka puasa pada hari akhir bulan Ramadan sehinggalah sampai waktu mengerjakan salat 'Aidil Fitri; *kelima*, pada bulan Zulhijjah iaitu pada Hari Raya 'Aidil Adha digumandangkan takbir semenjak dari malam hari menjelang solat 'Aidil Adha, dan berakhir pada hari ketiga.

Kebiasaan umat Islam melagukan al-Qur'ān dan melagukan azan, pernah dicuba oleh beberapa penggiat seni terkenal mengangkutkannya ke dalam komposisi karya seni iaitu: *Pertama*, Meyerbeer di Eropah pada abad sembilan belas yang mengangkat irama al-Fatihah ke dalam bentuk sandiwara yang memainkan cerita *Hugenoten*. Kisah *Hugenoten* menceritakan kejadian di Paris, di mana atas nama agama Kristian, beribu-ribu manusia disembelih hidup-hidup. Para sejarawan mengatakan bahwa sungai Seine, yang mengalir di tengah kota Paris telah menjadi merah kerana darah

manusia.²³ Sandiwara Meyerbeer titik klimaksnya terdapat pada bahagian ketiga iaitu seorang penjaga malam (wachter) menyanyikan solo tenor.²⁴ Tiga orang kritikus muzik iaitu William Lane (Inggeris), Villateau dan De La Borde (Perancis) cuba mencari sumber inspirasi dari nyanyian solo tenor itu.

*“Akhirnya William Lane dan kawan-kawan mendapatkan kunci rahasia Hugenoten itu pada tengah malam sunyi di sebuah dusun Mesir di Syracuse. Pada malam tenang sunyi senyap itu, didengarnya seorang anak membaca al-Qur’ān surat al-Fatihah. Bacaan itu sangat menarik hatinya karena terbayang padanya, pemain sandiwara yang melakukan peranan penjaga malam dengan tenornya dalam babak ketiga cerita Hugenoten”.*²⁵

Kedua, komposer terkenal di seluruh dunia iaitu Mozart pernah mengangkat irama al-Fatihah ke dalam sebuah konsert sebagaimana yang dikemukakan oleh Omar Amin Hosein sepertimana berikutnya; “bacaan al-Fatihah itu juga dengan cara tersendiri, telah diciptakan oleh Mozart menjadi suatu muzik konsert dengan nama *Requem*”.²⁶ Konsert *Requem* merupakan sebuah konsert yang cukup panjang dan mempunyai beberapa bahagian gubahan, tetapi sayang sekali Omar Amin Hosein tidak menyatakan pada bahagian mana irama al-Fatihah tersebut dimasukkan ke dalam komposisi *Requem*.

²³ *Ibid.*, h. 408.

²⁴ *Ibid.*, h. 407.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*, h. 409.

Ketiga, pada tahun 1844, seorang komposer mempersembahkan konsertnya yang diberi nama nama komposisi *Desert* (Padang Pasir) sebuah karya dari Felicien Davit. Ternyata hasil konsert komposisi “*Desert*” tersebut telah membawa dan mengangkat namanya sehingga menjadi semakin terkenal. Kritikus Villetaue (Perancis) pula cuba menyelidik sumber inspirasi dari komposisi *Desert* karya Felicien David. Akhirnya Villetaue menemukan sumber dari unsur melodi dari komposisi *Desert* iaitu berasal dari nyanyian *Muazzim* di menara Masjid waktu fajar. Azan subuh ini dinamakan juga oleh orang Eropah sebagai “Morgen Zang” iaitu nyanyian pagi.²⁷

Hasil karya beberapa komposer ternama di atas bertitik tolak dari alunan melodi dari irama melagukan al-Qur’ān dan azan berserta nuansanya, sehingga lahirlah komposisi terkenal sekali gus membawa nama komposer tersebut menjadi besar.

Zaman kejayaan Islam di sebahagian besar dunia pada masa lalu banyak dipengaruhi oleh berbagai ilmu pengetahuan yang dikembangkan oleh tokoh-tokoh Islam. Perkembangan ilmu pengetahuan juga diikuti oleh perkembangan ilmu muzik dan pembuatan instrumen muzik. Hal tersebut dirujuk kepada beberapa tokoh yang dinyatakan oleh Farmer bahawa:

*“Arab Muslim telah menyumbangkan praktik seni muzik di Timur, dan nama-nama tekniknya, telah menutupi daerah-daerah luas, semenjak dari Samarqand sampai ke pantai Lautan Atlantik”.*²⁸

²⁷ *Ibid.*, h. 410.

²⁸ *Ibid.*, h. 414.

Perkembangan muzik Islam ditandai dengan munculnya tokoh-tokoh muzik Islam, sebagaimana yang diungkapkan oleh Farmer bahawa:

*“Kaum Muslim dalam dunia musik telah menjalankan tugasnya sekali dua, dalam satu waktu. Sebagai pencipta - inventer musik dan sebagai pengembang - improver alat perkakas musik. Kebenaran ini cukup bahan untuk membuktikannya yaitu: Al-Farābī wafat 950 M., adalah sebagai inventer juga improver dari rabab dan qanun. Al-Zuman yang hidup abad 9 M., adalah pencipta nay zunami. Al-Zalal wafat 791 M, telah menciptakan sebuah kecapi indah, yang dinamakan ud al-shabbut. Pencipta-pencipta musik Muslim ini, bukan kalangan rendah dan kaum pertengahan saja. Seorang terpelajar besar seperti Al-Farābī sudah cukup menjadi bukti, betapa minat Islam terhadap musik. Akan tetapi yang lebih menarik pikiran orang ialah Khalifah Hakam II wafat tahun 974 M., telah menciptakan musik tiup, yang bernama buq. Ziryab hidup pada abad 11 M., adalah kepala bahagian pembuatan musik pneumatic organ. Safi Al-Dīn Abd Al-Ma'mūn wafat dalam tahun 1294 M., telah dapat menciptakan alat musik, yang dinamakan Nuzha yaitu semacam psaltery bersegi empat”.*²⁹

Pada perbincangan di atas sudah diungkapkan implementasi muzik di tengah-tengah masyarakat Islam, juga telah diperjelaskan usaha mencari kekuatan hukum muzik dalam al-Qur’ān dan ternyata tidak ada sepotong ayat yang membicarakan tentang bermain muzik

²⁹ *Ibid.*, h. 420.

dan berkesenian kecuali menerusi al-hadīth. Dengan demikian dapat dilihat bahawa kewujudan muzik di tengah-tengah masyarakat Islam adalah berdasarkan pandangan menerusi hadīth-hadīth Nabi Muhammad S.A.W., yang membolehkan umat Islam berkreativiti menerusi muzik. Hal seperti itu sering dilakukan untuk melihat kekuatan hukum terhadap sesuatu permasalahan dalam agama Islam. Apabila suatu permasalahan tidak ada tercantum dalam al-Qur’ān maka bolehlah dirujuk kepada hadīth-hadīth Nabi sebagai pedoman atau sandaran peringkat kedua bagi umat Islam.³⁰ Untuk itu tulisan ini cuba memaparkan beberapa buah hadīth yang membicarakan tentang bermain muzik atau berkecimpung dalam aktiviti seni sebagaimana berikut:

1. “Telah masuk kepada saya Rasulullah S.A.W. sementara bersama saya terdapat dua orang gadis sedang bernyanyi dengan nyanyian *Bu’as*. Lalu Rasulullah berbaring di atas tikar sambil memalingkan mukanya. Dan masuklah Abu Bakar, lalu membentak saya sambil berkata: ‘Serunai setan di sisi Nabi S.A.W.?’ Lalu Rasulullah menghadapkan mukanya kepada Abū Bakar, sambil berkata ‘ Biarkanlah mereka bernyanyi hai Abū Bakar”. Dan manakala Rasulullah tidak ada perhatiannya, keduanya saya singgung, lalu mereka keluar (H.R. Bukhārī).³¹

2. Bukhārī meriwayatkan dari ‘Aisyah, bahawa beliau mempersandingkan seorang wanita dengan seorang laki-laki dari kaum Anshar, lalu Nabi Muhammad S.A.W. berkata: “Hai ‘Aisyah, apakah ada padamu permainan, karena kaum Anshar amat suka kepada permainan (musik)”.

³⁰ Berhubung pandangan ulama mengenai muzik, sila rujuk Abdullah Yusof, “Industri Hiburan Dalam Islam: Analisis Dari Sudut Persejarahan Awal dan Penilaian Hukum”, *Jurnal Syariah*, Jil. 8 Bil. 1, Januari 2000, hh. 31 - 37.

³¹ Sidi Gazalba (1981), *op.cit.*, h. 146.

3. Tarmizi meriwayatkan dari ‘Aisyah, Nabi Muḥammad S.A.W. bersabda: “Umumkanlah pernikahan ini, lakukanlah dalam masjid, dan mainkanlah rebana”.

4. Aḥmad dan Tarmizi meriwayatkan dari Buraidah, yang menjelaskan: Rasulullah S.A.W. keluar dari salah satu peperangan. Tatkala beliau kembali, datanglah seorang gadis hitam kepada Rasulullah, saya bernazar, jika anda dikembalikan Allah (sehabis peperangan) dalam keadaan sihat wal’afiat, saya akan bermain rebana dan bernyanyi di hadapan anda. Beliau berkata kepadanya: " Jika benar kamu telah bernazar demikian, bermainlah. Kemudian ia bermainlah. Lalu Abū Bakar masuk, gadis itu terus bermain, kemudian ‘Uthmān masuk, gadis itu terus bermain. Akhirnya ‘ Umar masuk, ia memasukkan rebana itu di bawah pinggulnya, lalu didudukinya. Maka berkata Rasulullah S.A.W. syaitan itu sungguh takut padamu hai ‘Umar”.

5. Ibnu Mājah meriwayatkan dari Anas bin Mālik, bahawa Nabi S.A.W. berlalu (berjalan-jalan) di sebahagian kota Madinah. Tiba-tiba (terlihat oleh beliau) serombongan gadis yang sedang bermain rebana dan bernyanyi, dengan mengucapkan (Syair). Kami ini gadis-gadis Bani Najjar, alangkah baiknya Muḥammad sebagai “*jar*” (jiran). Lalu Rasulullah berkata: “Allah tahu bahwa aku sayang kepada kalian semua”.³²

Berdasarkan beberapa hadīth melalui kutipan di atas, dapat diambil kesimpulan bahawa muzik, bermain muzik, menonton pertunjukan muzik atau berkreativiti menerusi muzik tidak ada larangan atau tegahannya, bahkan merupakan anjuran dari Nabi Muḥammad S.A.W. untuk memeriahkan pesta perkawinan dan selainnya asalkan bermanfaat. Dengan demikian dapat ditunjukkan bahawa bermain muzik untuk menuju ke arah yang lebih baik

³² *Ibid.*, hh. 148 - 149.

mendapat pahala di sisi Allah S.W.T. Memandangkan masyarakat hari ini dididik ke arah materialistik yang mementingkan keuntungan dan kemewahan, maka muzik hari ini sering digunakan hanya untuk hiburan semata-mata dan banyak diceburi oleh orang-orang yang rendah akhlaknya. Justeru itu lahirlah budaya sensasi dalam industri muzik sehingga meminggirkan akhlak, budaya bahkan agama. Irama nasyid sebagai contoh yang memperjungkan muzik Islam juga perlu mengorak langkah untuk melakukan perubahan dalam menyampaikan mesej, yakni tidak perlu terikat dengan satu rentak muzik sahaja. Begitu juga instrumen moden yang sesuai digunakan perlu diketengahkan. Di Indonesia misalnya permainan gamelan sering dilakukan di perkarangan masjid³³ sebelum masuk waktu solat dan ini mengundang minat yang besar di kalangan masyarakat sekitarnya untuk mengunjungi masjid setiap waktu.

Kesimpulan

Berdasarkan kupasan di atas, dapatlah dibuat rumusan bahawa permasalahan yang berhubungan dengan kewujudan dan praktik muzik dalam kegiatan masyarakat yang beragama Islam masih wujud. Adalah wajar dan bertepatan untuk menyimpulkan bahawa kreativiti berkaitan muzik seperti mencipta, memainkan dan menikmati boleh dilakukan oleh umat Islam asalkan boleh memberikan keuntungan dan manfaat bagi mereka. Para aktivis muzik akan mendapat pahala apabila mampu dan berupaya mengarahkan masyarakat ke arah kebaikan.

Pandangan hukum Islam adalah jelas bahawa kreativiti dalam seni muzik boleh dilakukan dengan syarat tidak membawa mudarat, bahkan mendapat ganjaran pahala sekiranya boleh membawa manfaat baik kepada pelaku atau pengkarya dan penikmat mahupun masyarakat sekitarnya. Islam juga selalu menegaskan melalui hadīth-

³³ Zubir Ali (1999), *Muzik: Satu Pandangan*, h. 73.

hadīth Nabi Muḥammad S.A.W., bahawa berbuat sesuatu itu tergantung kepada niat sebagaimana yang disebutkan dalam hadīth “*Innama al-amal bi al-Niyyat*” yang ertinya setiap sesuatu yang akan dikerjakan tergantung kepada niat.

Menyoroti sejarah muzik dalam kehidupan Islam, ternyata ramai para tokoh muzik yang sudah melahirkan ramai artis, komposer, ilmuwan atau sarjana muzik bahkan menjadi pelopor dalam penghasilan dan pembuatan alat-alat muzik. Jasa para tokoh-tokoh muzik Muslim seperti Al-Farābī, Al-Kindi, Ibn Sīnā dan lain-lain sehingga terkenal sampai sekarang tentu tidak boleh dilupakan begitu juga. Mereka bukan saja mendapat sanjungan dan menjadi rujukan dalam peradaban Islam khususnya dalam bidang muzik bahkan turut dikagumi dalam peradaban-peradaban lain di dunia. Di Nusantara, perkembangan muzik Islam khususnya masih terus berlangsung meski pun tidak seaktif muzik-muzik yang dibawa dari Barat. Para aktivis atau penggiat muzik Islam perlu berhati-hati menghadapi arus dan gelombang ini dan dalam masa yang sama para ilmuwan Islam juga harus memberi bimbingan, pandangan dan panduan yang tepat agar segala aktiviti berkaitan muzik dalam masyarakat Islam berlandaskan syariat. Muzik dan hiburan pada asalnya adalah halal kerana ia merupakan suatu keperluan tabii manusia sebagai makhluk ciptaan Allah.³⁴ Justeru itu muzik boleh memberi kesan mendalam serta meresap ke dalam jiwa dan semangat manusia sehingga berupaya mencetuskan sama ada kebaikan dan keburukan.³⁵

³⁴ Abdullah Yusof (1999), *op.cit.*, h. 38.

³⁵ Lihat umpamanya I.P.Palvo, *Conditioned Reflexes and Psychiatry*, hh. 64 & 105.